

BAB 5

PENJODOH BILANGAN BAHASA CINA

Penjodoh bilangan merupakan ciri yang amat menonjol dalam bahasa Cina. Fungsi utama penjodoh bilangan adalah menunjukkan unit sesuatu benda dan kekerapan sesuatu kegiatan serta kelakuan. Dalam bahasa Cina klasik, penjodoh bilangan tidak digunakan. Kata bilangan biasanya dirangkaikan secara terus dengan kata nama contohnya 十羊 shí yáng (sepuluh kambing); 五犬 wǔ quán (lima anjing). Adakalanya kata bilangan diletakkan di belakang kata nama contohnya 弓一 gōng yī (satu panah), 矢百 shí bǎi (seratus anak panah) . Walau bagaimanapun sama ada dalam pertuturan atau penulisan, kata nama perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sesuai umpamanya 五只狗 wǔ zhī gǒu (lima ekor anjing) , 三朵花 sān duǒ huā (tiga kuntum bunga) dan 六条鱼 liù tiáo yú (enam ekor ikan).

Dalam membincangkan frasa nama bahasa Cina, Charles N. Li dan Sandra A. Thompson mendefinisikan penjodoh bilangan seperti berikut:

"A classifier is a word that must occur with a number (e.g. yi 'one' , ban 'half' , shi 'ten') and / or a demonstrative (ie, zhei 'this' , nei 'that' , nei 'which'), or certain qualifiers (such as zheng 'whole' , ji 'how many/ a few' , mouyi 'a certain' , mei 'every') before the noun."

(Charles N. Li dan Sandra A. Thompson 1981:104)

Ini bermakna penjodoh bilangan ialah satu perkataan yang mesti hadir bersama dengan satu kata bilangan dan/ atau bersama satu kata sifat tunjuk atau kata kuantiti yang tertentu.

Yuen Ren Chao membahagikan penjodoh bilangan bahasa Cina kepada 9 jenis (1968:584-585) seperti di bawah:

- 1) Penjodoh Nama Tunggal (Mc)
- 2) Penjodoh Bilangan yang dirangkaikan antara Kata Kerja dan Objek (Mc')
- 3) Penjodoh Bilangan Kumpulan (Mg)
- 4) Penjodoh Bilangan Partitif (Mp)
- 5) Penjodoh Bilangan untuk Bekas (Mo)
- 6) Penjodoh Bilangan Sementara (Mt)
- 7) Penjodoh Bilangan Standard (Mm)
- 8) Penjodoh Bilangan Kuasi (Mq)
- 9) Penjodoh Bilangan untuk Kata Kerja (Mv)

Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan membincangkan semua penjodoh bilangan di atas kecuali penjodoh bilangan kuasi (Mq).

5.1 Penjodoh Nama Tunggal (Mc) (单位词 dān wèi cí /个体量词 gètǐ liàngcí)

Selain bahasa Cina klasik, kata bilangan tidak boleh dirangkai terus dengan kata nama tunggal, di tengah-tengahnya mesti disisipkan penjodoh nama untuk menunjukkan bentuk, jenis atau ciri-ciri tertentu yang terdapat dalam kata nama berkenaan. Setiap kata nama tunggal mempunyai penjodoh namanya masing-masing. Di hadapan penjodoh nama boleh dirangkaikan dengan kata sifat tunjuk dan kata

bilangan. Perangkaian penjodoh nama, kata bilangan atau kata sifat tunjuk dan kata nama tunggal adalah seperti berikut:

[kata bilangan/ kata sifat tunjuk + penjodoh nama + kata nama tunggal]

Contohnya:

i) 一 朵 花
 yī duǒ huā
 satu kuntum bunga
 ‘sekuntum bunga’

i) 这 朵 花
 zhè duǒ huā
 ini kuntum bunga
 ‘bunga ini’

Di antara penjodoh nama dan kata nama, partikel 的 de tidak boleh disisipkan.

Contohnya: 这本书 zhè běn shū ‘buku ini’ , tetapi tidak *这本的书 zhè běn de shū.

Jadual 5.1: Contoh-contoh Penjodoh Nama Tunggal

Bil	Penjodoh Nama Tunggal (Mc)	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	把 bǎ ‘pemegang’	<p>i) digunakan untuk benda-benda yang ada pemegang seperti penyapu, payung, pisau, cangkul dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 把 伞 yì bǎ sǎn satu Mc payung ‘sekaki payung’</p> <p>ii) digunakan untuk senjata. Contoh:</p> <p>一 把 枪 yì bǎ qiāng satu Mc pistol ‘sepucuk pistol’</p>

2	本 běn 'akar'	- digunakan untuk buku dan majalah. Contoh: — 本 故事书 yì běn gùshìshū satu Mc buku cerita 'sebuah buku cerita'
3	部 bù 'bahagian'	i) digunakan untuk buku, filem dan sebagainya. Contoh: — 部 百科全书 yì bù bǎikēquánshū satu Mc ensiklopedia 'sebuah ensiklopedia' ii) digunakan untuk kenderaan dan mesin. Contoh: — 部 机器 yì bù jīqì satu Mc mesin 'sebuah mesin'
4	场 chǎng 'arena'	- digunakan untuk menandakan sesuatu kejadian. Contoh: — 场 水灾 yì chǎng shuǐzāi satu Mc banjir 'satu banjir'
5	乘 chéng 'menaiki'	- digunakan khas untuk tandu. Contoh: — 乘 轿子 yì chéng jiàozi satu Mc tandu 'sebuah tandu'
6	处 chù 'tempat'	- digunakan untuk menunjukkan rumah yang sedang didiami oleh orang. Contoh: — 处 人家 yì chù rénjiā satu Mc rumah 'sebuah rumah'
7	出 chū 'keluar'	- digunakan untuk menunjukkan sesuatu babak dalam drama klasik Cina. Contoh: — 出 戏 yì chū xì satu Mc drama 'satu babak (dalam drama klasik Cina)'

8	床 chuáng ‘katil’	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda yang lebar dan rata seperti cadar, kelambu, selimut dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 床 被 yì chuáng bēi satu Mc selimut ‘sehelai selimut’</p>
9	道 dào ‘jalan’	<p>i) digunakan untuk benda yang panjang seperti sinaran cahaya, sungai, pelangi dan sebagainya. Contohnya:</p> <p>一 道 彩虹 yí dào cǎihóng satu Mc pelangi ‘satu pelangi’</p> <p>ii) digunakan untuk kedutan yang ada pada muka atau luka yang ada pada badan. Contoh:</p> <p>一 道 伤口 yí dào shāngkǒu satu Mc luka ‘satu luka’</p> <p>iii) digunakan untuk benda yang tinggi dan biasanya berbentuk segiempat atau bujur seperti pintu dan dinding. Contoh:</p> <p>一 道 门 yí dào mén satu Mc pintu ‘sebuah pintu’</p> <p>iv) digunakan untuk soalan-soalan (seperti dalam peperiksaan) dan perintah. Contoh:</p> <p>一 道 题 yí dào tí satu Mc soalan ‘satu soalan’</p> <p>v) digunakan untuk menunjukkan hidangan makanan</p> <p>一 道 菜肴 yí dào cài yáo satu Mc hidangan makanan ‘satu hidangan makanan’</p>

10	顶 dǐng 'puncak'	- digunakan untuk benda yang menutup kepala atau sesuatu ruang seperti topi, khemah, kelambu dan sebagainya. Contoh: — 顶 帽 子 yì dǐng màozi satu Mc topi 'sebuah topi'
11	栋 dòng 'rabung'	- digunakan untuk rumah dan bangunan. Maknanya sama dengan 座 zuò. Contoh: — 栋 房 子 yí dòng fángzi satu Mc rumah 'sebuah rumah'
12	洞 dòng 'lubang'	-digunakan untuk terowong. Contoh: — 洞 隧 道 yí dòng suìdào satu Mc terowong 'sebuah terowong'
13	堵 dǔ 'menutup'	- digunakan untuk dinding. Contohnya: — 堵 墙 yì dǔ qiáng satu Mc dinding 'satu dinding'
14	顿 dùn 'berhenti seketika'	- digunakan untuk menunjukkan hidangan. Contoh: — 顿 早 餐 yí dùn zǎocān satu Mc sarapan 'satu sarapan'
15	朵 duǒ 'kuntum'	- digunakan khas untuk bunga dan awan. Contoh: — 朵 花 yì duǒ huā satu Mc bunga 'sekuntum bunga'
16	份 fèn 'bahagian'	- digunakan untuk bahan-bahan bacaan seperti majalah, surat khabar, risalah dan sebagainya. Contoh: — 份 报 纸 yí fèn bàozhǐ satu Mc surat khabar 'senaskhah surat khabar'

17	封 fēng 'sampul surat'	- digunakan khas untuk surat. Contoh: 一 封 信 yì fēng xìn satu Mc surat 'sepucuk surat'
18	幅 fù 'saiz'	- digunakan untuk gambar, peta dan sebagainya. Contoh: 一 幅 画 yì fù huà satu Mc gambar 'sebuah gambar'
19	服 fú 'baju'	- digunakan untuk sukatan ubat bagi sekali makan. Contoh: 一 服 药 yì fú yào satu Mc ubat 'satu dos ubat'
20	杆 gān 'batang'	- digunakan untuk benda yang mempunyai pemegang atau tangkai seperti bendera, senapang, dacing dan sebagainya. Contoh: 一 杆 枪 yì gān qiāng satu Mc senapang 'sepucuk senapang'
21	个 gè 'individu'	i) digunakan untuk kata nama yang tidak mempunyai penjodoh bilangan yang khas. Contoh: 一 个 国 家 yí ge guójiā satu Mc negara 'sebuah negara' ii) digunakan untuk kata nama yang telah mempunyai penjodoh bilangan yang khas. Contoh: 一 个 工 厂 yí ge gōngchǎng satu Mc kilang 'sebuah kilang' iii) digunakan untuk manusia. Contoh: 一 个 学 生 yí ge xuéshēng satu Mc pelajar 'seorang pelajar'

		<p>iv) digunakan untuk kata nama yang menunjukkan masa seperti jam, pagi, malam, minggu dan bulan. Contoh:</p> <p>一个 小时 yí ge xiǎoshí satu Mc jam 'satu jam'</p> <p>v) digunakan untuk kata nama yang abstrak seperti nasihat, amaran, masalah dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一个 警告 yí ge jǐnggào satu Mc amaran 'satu amaran'</p>
22	根 gēn 'akar'	<p>- digunakan untuk benda yang panjang seperti tali, kayu, mancis, rumput dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一根 绳子 yì gēn shéngzi satu Mc tali 'seutas tali'</p>
23	钩 gōu 'kail'	<p>- digunakan untuk bulan sabit. Contoh:</p> <p>一 钩 新月 yì gōu xīnyuè satu Mc bulan sabit 'bulan sabit'</p>
24	管 guǎn 'saluran'	<p>- digunakan untuk benda yang berbentuk selinder seperti berus, ubat gigi. Contoh:</p> <p>一 管 毛笔 yì guǎn máobì satu Mc berus 'sebuah berus'</p>
25	户 hù 'pintu'	<p>- digunakan untuk rumah yang sedang didiami oleh orang. Contoh:</p> <p>一 户 人家 yí hù rénjiā satu Mc rumah 'sebuah rumah'</p>
26	剂 jì	<p>- digunakan untuk menunjukkan sukanan ubat bagi sekali makan. (maknanya sama dengan fu). Contoh:</p> <p>一 剂 泻药 yí jì xièyào satu Mc julap 'satu dos julap'</p>

27	间 jiān 'antara'	<p>i) digunakan untuk rumah, kedai runcit, pasar raya, emporium dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 间 百 货 公 司 yì jiān bǎihuò gōngsī satu Mc emporium 'sebuah emporium'</p> <p>ii) digunakan untuk unit terkecil yang terdapat dalam sesebuah rumah seperti bilik tidur, dapur, bilik mandi dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 间 厕 所 yì jiān cèsuǒ satu Mc tandas 'sebuah tandas'</p>
28	件 jiàn 'item'	<p>i) digunakan untuk pakaian dan barang lain seperti sapu tangan, selendang, tuala dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 件 衣 服 yí jiàn yīfu satu Mc baju 'sehelai baju'</p> <p>ii) digunakan untuk benda-benda yang konkrit seperti perabot, alat mainan, antik dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 件 家 具 yí jiàn jiājù satu Mc perabot 'sebuah perabot'</p> <p>iii) digunakan untuk sesuatu perkara dan kerja. Contoh:</p> <p>一 件 事 情 yí jiàn shìqíng satu Mc perkara 'satu perkara'</p> <p>iv) digunakan untuk surat dan dokumen. Contoh:</p> <p>一 件 公 函 yí jiàn gōnghán satu Mc surat rasmi 'sepucuk surat rasmi'</p>
29	家 jiā 'rumah'	<p>- digunakan untuk hotel, hospital, syarikat, kedai dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 家 酒 店 yì jiā jiǔdiàn satu Mc hotel 'sebuah hotel'</p>

30	架 jià 'bingkai'	<p>i) digunakan untuk alat-alat seperti kamera, piano, radio televisyen dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 架 照 相 机 yí jià zhàoxiāngjī satu Mc kamera 'sebuah kamera'</p> <p>ii) digunakan untuk pelbagai jenis kenderaan seperti kereta, kapal terbang, van, lori dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 架 飞 机 yí jià fēijī satu Mc kapal terbang 'sebuah kapal terbang'</p>
31	角 jiǎo 'penjuru'	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda yang setelah dipotong dan berbentuk segi tiga.</p> <p>一 角 西 瓜 yí jiǎo xīguā satu Mc tembikai 'sepotong tembikai'</p>
32	具 jù 'alat'	<p>i) digunakan untuk mayat dan keranda. Contoh:</p> <p>一 具 尸 体 yí jù shītǐ satu Mc mayat 'satu mayat'</p> <p>ii) digunakan untuk barang-barang seperti jam. Contoh:</p> <p>一 具 桌 钟 yí jù zhuōzhōng satu Mc jam meja 'sebuah jam meja'</p>
33	句 jù 'ayat'	<p>- i) digunakan untuk perkataan. Contoh:</p> <p>一 句 话 yí jù huà satu Mc perkataan 'sepatah perkataan'</p> <p>- ii) digunakan untuk puisi dan sajak.</p> <p>一 句 诗 yí jù shī satu Mc puisi 'sebaris puisi'</p>

34	棵 kē 'biji rin'	<p>- digunakan untuk tumbuhan seperti pokok, sayur-sayuran dan rumput. Contoh:</p> <p>一 棵 树 yì kē shù satu Mc pokok 'sepohon pokok'</p>
35	颗 kē 'bijirin'	<p>i) digunakan untuk benda-benda kecil yang berbentuk bulat seperti gula-gula, mutiara, peluru dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 颗 珍 珠 yì kē zhēnzhū satu Mc mutiara 'sebutir mutiara'</p> <p>ii) digunakan untuk satelit dan meteor. Contoh:</p> <p>一 颗 卫 星 yì kē wèixīng satu Mc satelit 'sebuah satelit'</p>
36	孔 kǒng 'lubang'	<p>- digunakan khasnya untuk terowong dan gua. Contoh:</p> <p>一 孔 隧 道 yì kǒng suìdào satu Mc terowong 'sebuah terowong'</p>
37	口 kǒu 'mulut'	<p>i) digunakan untuk perkakas seperti periuk dan tempayan. Contoh:</p> <p>一 口 锅 yì kǒu guō satu Mc periuk 'sebiji periuk'</p> <p>ii) digunakan untuk orang. Contoh:</p> <p>两 口 人 liǎng kǒu rén dua Mc orang 'dua orang'</p> <p>iii) digunakan untuk binatang seperti lembu dan babi. Contoh:</p> <p>一 口 牛 yì kǒu niú satu Mc lembu 'seekor lembu'</p>

38	粒 lì 'bijian'	<p>i) digunakan untuk semua jenis buah-buahan. Contoh:</p> <p>一 粒 木瓜 yí lì mùguā satu Mc betik 'sebiji betik'</p> <p>ii) digunakan untuk benda-benda kecil seperti beras, pasir, butang, peluru, benih dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 粒 米 yí lì mǐ satu Mc beras 'sebiji beras'</p>
39	辆 liàng	<p>- digunakan untuk kendaraan. Contoh:</p> <p>一 辆 火车 yí liàng huǒchē satu Mc van 'sebuah van'</p>
40	枚 méi	<p>i) digunakan untuk benda-benda yang kecil. Contoh:</p> <p>一 枚 戒指 yí méi jièzhī satu Mc cincin 'sebentuk cincin'</p> <p>ii) digunakan untuk benda yang pipih, tipis dan kecil. Contoh:</p> <p>一 枚 邮票 yí méi yóupiào satu Mc setem 'sekeping setem'</p>
41	门 mén "cawangan"	<p>i) digunakan untuk sesuatu kemahiran seperti kraf tangan dan juga pengetahuan serta kursus. Contoh:</p> <p>一 门 手艺 yí mén shǒuyì satu Mc kemahiran 'satu kemahiran'</p> <p>ii) digunakan untuk meriam. Contoh:</p> <p>一 门 炮 yí mén pào satu Mc meriam 'sepucuk meriam'</p>

42	面 miàn “muka”	<p>- digunakan untuk objek yang rata dan pipih seperti cermin, bendera, gebuk, tabuh. Contoh:</p> <p>一 面 镜子 yí miàn jìngzi satu Mc cermin 'sebuah cermin'</p>
43	名 míng ‘nama’	<p>- digunakan untuk orang yang mempunyai tugas dan pekerjaan yang tertentu seperti guru, polis, askar dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 名 医生 yí míng yīshēng satu Mc doktor 'seorang doktor'</p>
44	幕 mù ‘kain yang sangat lebar’	<p>- digunakan untuk menunjukkan sesuatu babak dalam drama atau komedi. Contoh:</p> <p>一 幕 话剧 yí mù huàjù satu Mc drama 'satu babak (dalam drama)'</p>
45	匹 pǐ ‘setara’	<p>- digunakan untuk binatang khasnya kuda dan keldai. Contoh:</p> <p>一 匹 马 yí pǐ mǎ satu Mc kuda 'seekor kuda'</p>
46	篇 piān ‘sebuah penulisan’	<p>- digunakan untuk karangan, cerita, artikel dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 篇 文章 yí piān wénzhāng satu Mc esei 'sebuah esei'</p>
47	扇 shàn ‘kipas’	<p>- digunakan untuk pintu dan tingkap. Contoh:</p> <p>一 扇 门 yí shàn mén satu Mc pintu 'sebuah pintu'</p>
48	首 shǒu ‘kepala’	<p>- digunakan untuk lagu, sajak dan puisi. Contoh:</p> <p>一 首 歌 yí shǒu gē satu Mc lagu 'sebuah lagu'</p>

49	梳 shū 'sikat'	<p>- digunakan untuk buah pisang yang masih melekat pada tangkainya. Contoh:</p> <p>一 梳 香蕉 yì shū xiāngjiāo satu Mc pisang 'sesikat pisang'</p>
50	艘 sōu	<p>- digunakan untuk kapal yang lebih besar. Contoh:</p> <p>一 艘 油船 yì sōu yóuchuán satu Mc kapal minyak 'sebuah kapal minyak'</p>
51	所 suǒ 'tempat'	<p>i) digunakan untuk institusi-institusi yang konkret seperti sekolah, hospital dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 所 医院 yì suǒ yīyuàn satu Mc hospital 'sebuah hospital'</p> <p>ii) digunakan untuk rumah</p> <p>一 所 房子 yì suǒ fángzi satu Mc rumah 'sebuah rumah'</p>
52	台 tái 'pentas'	<p>i) digunakan untuk alat-alat elektronik atau mesin yang biasanya diletakkan di atas meja atau kabinet seperti radio, televisyen, mesin jahit dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 台 电视机 yì tái diànnǐjī satu Mc televisyen 'sebuah televisyen'</p> <p>ii) digunakan untuk persembahan pentas. Contoh:</p> <p>一 台 戏 yì tái xì satu Mc persembahan 'satu persembahan'</p>
53	条 tiáo 'jalur'	<p>i) digunakan untuk benda yang bentuknya panjang seperti jalan raya, sungai, tali leher, tuala, kaki, rambut dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 条 马路 yì tiáo mǎlù satu Mc jalan raya 'sebatang jalan raya'</p>

		<p>ii) digunakan untuk binatang seperti ikan, ular, ayam dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 条 鱼 <i>yì tiáo yú</i> satu Mc ikan 'seekor ikan'</p> <p>iii) digunakan untuk berita, formula, undang-undang dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 条 理 由 <i>yì tiáo lǐyóu</i> satu Mc alasan 'satu alasan'</p>
54	贴 tiē	<p>- digunakan untuk pelekat (yang berubat) untuk menampal luka dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 贴 青 药 <i>yì tiē qīngyào</i> satu Mc plaster ubat 'sekeping plaster berubat'</p>
55	帖 tiē	<p>- digunakan khasnya untuk beberapa jenis herba Cina bagi sekali makan. Contoh:</p> <p>一 帖 药 <i>yì tiē yào</i> satu Mc ubat 'satu ubat'</p>
56	挺 tǐng 'lurus'	<p>- digunakan untuk mesin gan. Contohnya:</p> <p>一 挺 机 关 枪 <i>yì tǐng jīguānqiāng</i> satu Mc mesin gan 'sebuah mesin gan'</p>
57	头 tóu 'kepala'	<p>i) digunakan untuk binatang seperti kambing, lembu. Contoh:</p> <p>一 头 牛 <i>yì tóu niú</i> satu Mc lembu 'seekor lembu'</p> <p>ii) digunakan khas untuk bawang putih. Contoh:</p> <p>一 头 蒜 <i>yì tóu suàn</i> satu Mc bawang putih 'sejambak bawang putih'</p>

58	丸 wán 'benda kecil yang berbentuk bulat'	- digunakan untuk menunjukkan benda kecil yang berbentuk bulat. Contohnya: — 丸 药 yí wán yào satu Mc ubat 'sebiji ubat'
59	位 wèi 'tempat'	- digunakan untuk orang yang dihormati dan juga orang yang tinggi pangkatnya dalam sistem masyarakat seperti wakil rakyat, jutawan dan menteri. Contoh: — 位 部长 yí wèi bùzhǎng satu Mc menteri 'seorang menteri'
60	尾 wěi 'ekor'	- digunakan khas untuk ikan. Contoh: — 尾 鱼 yí wěi yú satu Mc ikan 'seekor ikan'
61	叶 yè 'daun'	- digunakan untuk menunjukkan perahu kecil. Contoh: — 叶 小舟 yí yè xiǎozhōu satu Mc perahu 'sebuah perahu'
62	员 yuán 'ahli'	- digunakan khas untuk general. Contoh: — 员 大将 yí yuán dàjiàng satu Mc general 'seorang general'
63	盏 zhǎn 'cawan kecil'	- digunakan khas untuk lampu dan pelita. Contoh: — 盏 灯 yí zhǎn dēng satu Mc lampu 'sebuah lampu'
64	张 zhāng 'membuka/keping'	i) digunakan untuk benda yang nipis dan pipih seperti kertas sijil, tiket, gambar dan sebagainya. Contoh: — 张 照片 yí zhāng zhàopiàn satu Mc gambar 'sekeping gambar'

		<p>ii) digunakan untuk benda yang luas dan boleh dibuka atau dilipat seperti kain meja, jaring dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 张 桌布 yì zhāng zhuōbù satu Mc kain meja 'sehelai kain meja'</p> <p>iii) digunakan untuk perabot seperti kerusi, meja dan katil. Contoh:</p> <p>一 张 桌子 yì zhāng zhuōzi satu Mc meja 'sebuah meja'</p> <p>iv) digunakan untuk mulut dan wajah. Contoh:</p> <p>一 张 嘴 yì zhāng zuǐ satu Mc mulut 'satu mulut'</p>
65	帧 zhēn	<p>- digunakan untuk lukisan. Contoh:</p> <p>一 帧 油画 yì zhēn yóuhuà satu Mc minyak lukisan 'sebuah lukisan cat minyak'</p>
66	枝 zhī 'dahan'	<p>i) digunakan untuk bunga yang mempunyai ranting seperti bunga ros, teratai, plum dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 枝 玫瑰花 yì zhī méiguīhuā satu Mc ros bunga 'setangkai bunga ros'</p> <p>ii) digunakan untuk benda yang lurus seperti lilin, mancis, bendera dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 枝 蜡烛 yì zhī làzhú satu Mc lilin 'sebatang lilin'</p>
67	支 zhī 'menyokong'	<p>i) digunakan untuk benda yang pendek dan lurus seperti jarum, pen, rokok dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 支 粉笔 yì zhī fěnbì satu Mc kapur 'sebatang kapur'</p>

		<p>ii) digunakan untuk pasukan tentera. Contoh:</p> <p>一 支 军队 yì zhī jūnduì satu Mc tentera 'sepasukan tentera'</p> <p>iii) digunakan untuk lagu. Contoh:</p> <p>一 支 歌 yì zhī gē satu Mc lagu 'sebuah lagu'</p> <p>iv) digunakan untuk pasukan orkestra, pancaragam dan kugiran. Contoh:</p> <p>一 支 铜乐队 yì zhī tóngyuèduì satu Mc pancaragam 'sepasukan pancaragam'</p>
68	只 zhī "satu"	<p>i) digunakan untuk semua jenis binatang. Contoh:</p> <p>一 只 兔子 yì zhī tùzi satu Mc arnab 'seekor arnab'</p> <p>ii) digunakan untuk salah satu bahagian daripada benda yang berpasangan seperti tangan, kaki, sarung tangan, telinga dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 只 手 yì zhī shǒu satu Mc tangan 'sebelah tangan'</p> <p>iii) digunakan untuk bekas dan perkakas seperti gelas, porselin, tempayan dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 只 杯子 yì zhī bēizi satu Mc cawan 'sebiji cawan'</p> <p>iv) digunakan untuk semua jenis kapal. Contoh:</p> <p>一 只 渡轮 yì zhī dùlún satu Mc feri 'sebuah feri'</p>

69	种 zhǒng 'spesis'	- digunakan untuk mengkategorikan manusia, binatang dan benda-benda lain. Contoh: 两 种 人 liǎng zhǒng rén dua Mc orang 'dua jenis orang'
70	株 zhū 'batang'	- digunakan untuk pokok. Contoh: 一 株 松树 yì zhū sōngshù satu Mc pokok pinus 'sepohon pokok pinus'
71	桩 zhuāng 'pancang'	- digunakan untuk sesuatu perkara atau peristiwa. Contoh: 一 桩 买卖 yì zhuāng mǎimài satu Mc urusniaga 'satu urusniaga'
72	幢 zhuāng	- digunakan untuk rumah dan bangunan. Contoh: 一 幢 房子 yì zhuāng fángzi satu Mc rumah 'sebuah rumah'
73	宗 zōng 'kaum kerabat'	- digunakan untuk menunjukkan sesuatu urusniaga. Contoh: 一 宗 交易 yì zōng jiāoyì satu Mc urusniaga 'satu urusniaga'
74	尊 zūn 'kanan'	i) digunakan untuk patung arca dewa-dewi. Contoh: 一 尊 佛像 yì zūn fóxiàng satu Mc arca Buddha 'sebuah arca Buddha' ii) digunakan untuk meriam. Contoh: 一 尊 大炮 yì zūn dàpào satu Mc meriam 'sepucuk meriam'

75	座 zuò ‘tempat duduk’	- digunakan untuk objek yang besar dan berada di sebuah kawasan yang tetap. Contoh: 一 座 山 yí zuò shān satu Mg gunung ‘sebuah gunung’
----	--------------------------------	---

5.2 Penjodoh Bilangan Kumpulan (Mg) (集体量词 jítǐ liàngcí)

Penjodoh bilangan kumpulan menunjukkan bilangan yang lebih daripada satu atau banyak. Penjodoh bilangan kumpulan membawa makna jamak untuk sesuatu benda atau manusia. Di hadapan penjodoh bilangan kumpulan boleh dirangkaikan dengan kata sifat tunjuk dan kata bilangan. Perangkaian penjodoh bilangan kumpulan dengan kata bilangan dan kata nama adalah seperti berikut:

[kata bilangan/ kata sifat tunjuk + penjodoh bilangan kumpulan + kata nama]

Contoh: i) 一 行 树

yì háng shù
satu baris pokok
‘sebaris pokok’

ii) 这 行 树

zhè háng shù
ini baris pokok
‘pokok- pokok ini’

Jadual 5.2: Contoh-contoh Penjodoh Bilangan Kumpulan

Bil	Penjodoh Bilangan Kumpulan(Mg)	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	班 bān ‘kelas, skuad’	- digunakan untuk menunjukkan orang dalam satu kelas atau infantri. Contoh: 一 班 步 兵 yí bān bùbīng satu Mg infantri ‘satu pasukan infantri’

2	帮 bāng 'kumpulan'	- digunakan untuk menunjukkan kumpulan orang, biasanya mengandungi makna negatif. Contoh: 一 帮 强 盗 yì bāng qiángdào satu Mg penyamun 'sekumpulan penyamun'
3	拨 bō 'kumpulan'	- digunakan untuk kumpulan manusia. Contoh: 一 拨 人 yì bō rén satu Mg orang 'sekumpulan orang'
4	串 chuàn 'cucuk, gugus, jambak'	- digunakan untuk benda yang dicucuk bersama seperti sate, mutiara, kunci dan sebagainya. Contoh: 一 串 沙 爹 yì chuàn shādiē satu Mg sate 'secucuk sate'
5	丛 cōng 'rumput'	- digunakan untuk tumbuhan seperti rumput, tebu dan tumbuhan lain yang berumpun. Contoh: 一 丛 草 yì cōng cǎo satu Mg rumput 'serumpun rumput'
6	簇 cù 'rumput, kumpulan, jambak'	- digunakan untuk tanaman yang tumbuh bersama seperti rumput dan belukar. Juga digunakan untuk bunga dalam satu ikatan dan manusia yang berada dalam kumpulan. Contoh: 一 簇 灌 木 丛 yì cù guànmùcōng satu Mg belukar 'serumpun belukar'
7	打 dǎ 'dozen'	- digunakan untuk menunjukkan benda dalam bilangan dua belas atau dalam dozen. Contoh: 一 打 鸡 蛋 yì dǎ jīdàn satu Mg telur ayam 'sedozen telur ayam'
8	叠 dié 'susun'	- digunakan untuk benda yang berlonggok secara berlapis-lapis, yang diletak rapi secara tindih-menindih seperti majalah, suratkhabar, buku dan sebagainya. Contoh:

		<p>一 叠 书</p> <p>yì dié shū satu Mg buku 'sesusun buku'</p>
9	堆 duī 'longgok, kumpulan'	<p>- digunakan untuk benda dalam benda dalam longgokan seperti batu, pasir, buku dan sebagainya. Juga digunakan untuk manusia dalam kumpulan. Contoh:</p> <p>一 堆 石头</p> <p>yì duī shítóu satu Mg batu 'selonggok batu'</p>
10	对 duì 'pasang'	<p>- digunakan untuk benda, binatang atau orang yang berpasangan seperti kasut, anting-anting, burung merpati dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 对 鸽子</p> <p>yí duì gēzi satu Mg burung merpati 'sepasang burung merpati'</p>
11	队 duì 'pasukan, kumpulan, deretan'	<p>- digunakan untuk menunjukkan kumpulan manusia dan binatang seperti polis, pekerja dan sebagainya. Juga digunakan untuk jenis pengangkutan seperti kapal dan lori.</p> <p>一 队 警察</p> <p>yí duì jǐngchá satu Mg polis 'sepasukan polis'</p>
12	墩 dūn 'rumpun'	<p>- digunakan untuk tanaman atau tumbuhan yang tumbuh secara anak-beranak seperti anak padi dan rumput. Contoh:</p> <p>一 墩 草</p> <p>yí dūn cǎo satu Mg rumput 'serumpun rumput'</p>
13	垛 duò 'longgok'	<p>-digunakan untuk menunjukkan benda yang berada dalam longgokan. Contoh:</p> <p>一 垛 稻草</p> <p>yí duò dàocǎo satu Mg padi 'selonggok padi'</p>
14	副 fù 'pasang'	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda yang dalam pasangan seperti sarung tangan, cermin mata dan sebagainya. Contoh:</p>

		<p>一 副 眼 镜 yí fù yǎnjìng satu Mg cermin mata 'sepasang cermin mata'</p>
15	挂 guà 'papan'	<p>- digunakan untuk benda yang berkeping-keping dan dirangkaikan seperti petai, mercun, mutiara dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 挂 臭 豆 yí guà chòudòu satu Mg petai 'sepapan petai'</p>
16	行 háng 'baris, deret'	<p>- digunakan untuk benda yang berderet seperti rumah, kedai dan pokok. Contoh:</p> <p>一 行 树 yí háng shù satu Mg pokok 'sebaris pokok'</p>
17	伙 huǒ 'kumpulan'	<p>-digunakan untuk kumpulan manusia. Contoh:</p> <p>一 伙 人 yí huǒ rén satu Mg orang 'sekumpulan orang'</p>
18	捆 kǔn 'ikat, berkas'	<p>- digunakan untuk benda yang boleh diikat dalam satu ikatan seperti kayu, kertas, rumput dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 捆 柴 火 yí kǔn cáihuǒ satu Mg kayu api 'seikat kayu api'</p>
19	连 lián 'pasukan'	<p>- digunakan khas untuk pasukan tentera. Contoh:</p> <p>一 连 娘 子 军 yí lián niángzijūn satu Mg askar wanita 'sepasukan askar wanita'</p>
20	旅 lǚ 'pasukan'	<p>- digunakan khas untuk pasukan tentera. Contoh:</p> <p>一 旅 兵 yí lǚ bīng satu Mg askar 'sepasukan askar'</p>

21	排 pái 'deret, barisan'	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda atau orang yang berderet atau dalam barisan seperti meja, rumah, pokok dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 排 房子 yì pái fángzi satu Mg rumah 'sederet rumah'</p>
22	蓬 péng 'rumpun'	<p>- digunakan untuk tumbuhan yang tumbuh berkelompok khasnya buluh. Contoh:</p> <p>一 蓬 竹子 yì péng zhúzi satu Mg buluh 'serumpun buluh'</p>
23	捧 pěng 'menatang'	<p>- digunakan untuk benda yang ditatang seperti beras dan kacang tanah.</p> <p>一 捧 花生 yì pěng huāshēng satu Mg kacang tanah 'segenggam kacang tanah'</p>
24	批 pī 'kumpulan, pasukan'	<p>- digunakan untuk benda atau orang yang bilangannya besar dan berada dalam kumpulan seperti majalah, lukisan, jururawat, doktor dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 批 护士 yì pī hùshì satu Mg jururawat 'sekumpulan jururawat'</p>
25	起 qǐ 'kumpulan'	<p>- digunakan untuk kumpulan manusia. Contoh:</p> <p>一 起 人 yì qǐ rén satu Mg orang 'satu kumpulan orang'</p>
26	群 qún 'kumpulan, kelompok, kawan'	<p>- digunakan untuk manusia dalam kumpulan seperti pelancong, dan kanak-kanak. Juga digunakan untuk kumpulan binatang seperti lembu, kuda, kambing dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 群 游客 yì qún yóukè satu Mg pelancong 'sekumpulan pelancong'</p>

27	双 shuāng 'pasang'	- digunakan untuk benda yang berpasangan seperti penyepit, sarung kaki, kasut dan sebagainya. Contoh: 一 双 鞋子 yì shuāng xiézi satu Mg kasut 'sepasang kasut'
28	沓 tà 'susunan'	- digunakan untuk menunjukkan benda yang bersusunan. 一 牒 文件 yí tà wénjiàn satu Mg dokumen 'sesusun dokumen'
29	堂 táng 'set'	- digunakan untuk perabot yang berada dalam satu set. Contoh: 一 堂 家具 yí táng jiājù satu Mg perabot 'satu set perabot'
30	套 tào 'set'	- digunakan untuk sekumpulan barang yang merupakan sesuatu daripada satu kesatuan atau beberapa benda yang digunakan bersama-sama seperti perabot, pinggan mangkuk, buku dan sebagainya. Contoh: 一 套 碗碟 yí tào wǎndié satu Mg pinggan mangkuk 'satu set pinggan mangkuk'
31	团 tuán 'pasukan, kumpulan'	- digunakan untuk menunjukkan rejimen. Contoh: 一 团 士兵 yí tuán shìbīng satu Mg askar 'sepasukan askar'
32	窝 wō 'sarang'	i) digunakan untuk menunjukkan anak binatang yang dilahirkan dalam sebuah sarang seperti tikus, ayam, kucing dan sebagainya. Contoh: 一 窝 小鸡 yí wō xiǎojī satu Mg anak ayam 'beberapa ekor anak ayam' ii) digunakan untuk kumpulan orang, mengandungi makna negatif. Contoh:

		<p>一窝坏人</p> <p>yì wō huàirén satu Mg penjahat 'sekumpulan penjahat'</p>
33	系列 xìliè 'siri'	<p>- digunakan untuk satu siri peristiwa, karya, penerbitan dan sebagainya yang berlaku berturut-turut. Contoh:</p> <p>一 系列 著作</p> <p>yí xìliè zhùzuò satu Mg karya 'satu siri karya'</p>
34	营 yíng 'tempat perkhemahan askar'	<p>- digunakan khas untuk pasukan tentera. Contoh:</p> <p>一 营 救兵</p> <p>yí yíng jiùbīng satu Mg askar penyelamat 'sepasukan askar penyelamat'</p>
35	扎 zá 'berkas, ikat cekak'	<p>- digunakan untuk benda-benda yang diikat bersama seperti surat, nota, manuskrip dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 扎 信</p> <p>yí zá xìn satu Mg surat 'seikat surat'</p>
36	组 zǔ 'set, kumpulan'	<p>- digunakan untuk benda yang berada dalam satu set seperti setem dan kad. Juga digunakan untuk kumpulan orang yang biasanya telah diorganisasikan. Contoh:</p> <p>一 组 邮票</p> <p>yí zǔ yóupiào satu Mg setem 'satu set setem'</p>

5.3 Penjodoh Bilangan Partitif (Mp) (部分量词 bùfèn liàngcí)

Penjodoh bilangan ini menunjukkan sebahagian daripada sesuatu benda, tempat, benda abstrak, institusi atau orang. Perangkaian penjodoh bilangan partitif , kata bilangan atau kata sifat tunjuk dan kata nama adalah seperti berikut:

[kata bilangan/ kata sifat tunjuk + penjodoh bilangan kumpulan + kata nama]

Contoh:

i) 一 撮 盐
yì cuō yán
satu cubit garam
'secubit garam'

ii) 这 撮 盐
zhè cuō yán
ini cubit garam
'garam yang secubit ini' .

Jadual 5.3: Contoh-contoh Penjodoh Bilangan Partitif

Bil	Penjodoh Bilangan Partitif (Mp)	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	把 bǎ 'genggam'	- digunakan untuk menunjukkan kuantiti benda yang sekali diambil untuk sebanyak isi genggam seperti beras, kacang, pasir, benih, gula-gula dan sebagainya. Contoh: 一 把 糖果 yì bǎ tángguǒ satu genggam gula-gula 'segenggam gula-gula'
2	瓣 bàn 'ulas'	- digunakan untuk menunjukkan ulas dalam buah durian, nangka, oren, limau dan sebagainya. Juga digunakan untuk kelopak bunga dan bawang putih. Contoh: 一 瓣 蒜 yí bàn suàn satu ulas bawang putih 'seulas bawang putih'
3	半 bàn 'separuh'	- digunakan untuk menunjukkan separuh daripada sesuatu benda. Contoh: 一 半 钱 yí bàn qián satu separuh wang 'separuh wang'
4	部分 bùfèn 'bahagian'	- digunakan untuk menunjukkan sebahagian daripada sesuatu. Contoh: 一 部分 人民 yí bùfèn rénmíng satu bahagian rakyat 'sebahagian rakyat'

5	层 céng 'lapisan, tingkat'	- digunakan untuk menunjukkan benda-benda yang terdiri daripada beberapa lapisan, tingkat, komponen atau bahagian seperti bangunan, minyak, awan dan sebagainya. Contoh: 一 层 油 yì céng yóu satu lapisan minyak 'satu lapisan minyak'
6	册 cè 'jilid'	- digunakan untuk menunjukkan penggal atau bahagian buku. Contoh: 一 册 古 典 文 学 yí cè gǔdiǎn wénxué satu jilid sastera klasik 'satu jilid sastera klasik'
7	匙 chí 'sudu'	- digunakan untuk benda-benda seperti gula, garam, sup dan sebagainya yang diambil dengan sudu. Contoh: 一 匙 盐 yì chí yán satu sudu garam 'sesudu garam'
8	撮 cuō 'cubit'	- digunakan untuk menunjukkan benda-benda yang diambil sedikit seperti gula, garam, beras dan sebagainya. Contoh: 一 摄 糖 yì cuō táng satu cubit gula 'satu cubit gula'
9	刀 dāo 'pisau'	- digunakan untuk daging (ayam, lembu, kambing dan sebagainya) yang dipotong sekali sahaja. Contoh: 一 刀 肉 yì dāo ròu satu pisau daging 'sepotong daging'
10	滴 dī 'titik'	- digunakan untuk menunjukkan cecair yang menitik seperti air, minyak, darah dan sebagainya. Contoh: 一 滴 血 yì dī xuě satu titik darah 'satu titik darah'

11	点 diǎn 'sedikit'	<p>- digunakan untuk benda yang kuantitinya sedikit seperti lada, air, susu, abu dan sebagainya. Juga digunakan untuk benda yang abstrak seperti cadangan, kekuatan, pekerjaan dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一点 水 yì diǎn shuǐ satu sedikit air 'sedikit air'</p> <p>一点 建议 yì diǎn jiànyì satu sedikit cadangan 'sedikit cadangan'</p>
12	段 duàn 'segmen, bahagian, perenggan'	<p>- digunakan untuk benda yang dibahagikan kepada beberapa bahagian atau segmen seperti dawai, buluh, landasan keretapi dan sebagainya. Juga digunakan untuk membilang perenggan dalam eseai atau artikel.</p> <p>一段 铁路 yí duàn tiělù satu bahagian landasan keretapi 'sebahagian daripada landasan keretapi'</p> <p>一段 文章 yí duàn wénzhāng satu perenggan eseai 'satu perenggan'</p>
13	节 jié 'segmen, kerat'	<p>- digunakan untuk menunjukkan keratan atau segmen sesuatu benda seperti paip, gerabak keretapi, tebu, buluh dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一节 甘蔗 yí jié gānzhè satu kerat tebu 'sekerat tebu'</p>
14	块 kuài 'ketul, potong, keping, helai'	<p>- digunakan untuk benda yang lembut yang berbentuk empat segi atau bulat seperti daging, roti dan kek. Juga digunakan untuk benda yang keras seperti batu, sabun, tulang serta tenunan-tenunan yang telah dipotong. Contoh:</p> <p>一块 蛋糕 yí kuài dànghāo satu keping kek 'sekeping kek'</p>

		<p>一 块 石 头 yí kuài shítóu satu ketul batu 'seketul batu'</p> <p>一 块 布 yí kuài bù satu helai kain 'sehelai kain'</p>
15	口 kǒu 'mulut'	<p>- digunakan untuk menunjukkan kuantiti makanan yang boleh dimasukkan dan dijemput ke dalam mulut seperti nasi, air, teh, kopi, mi dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 口 面 yì kǒu miàn satu mulut mi 'sesuap mi'</p>
16	绺 liǔ 'beberapa helai'	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda-benda halus seperti rambut, benang dan bulu. Contoh:</p> <p>一 缼 头 发 yì liǔ tóufà satu beberapa helai rambut 'beberapa helai rambut'</p>
17	片 piàn 'keping'	<p>- digunakan untuk benda yang dipotong menjadi kepingan dan tipis seperti roti, kentang dan bawang. Contoh:</p> <p>一 片 面 包 yí piàn miànbāo satu keping roti 'sekeping roti'</p>
18	丝 (儿) sī (er) 'hiris'	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda yang dihiris secara tipis seperti sayur, daging dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 丝 (儿) 肉 yì sī (er) ròu satu hiris daging 'sehiris daging'</p>
19	团 tuán 'kepal'	<p>- digunakan untuk menunjukkan benda yang digumpal dengan padat seperti pulut, nasi, tanah dan sebagainya. Contoh:</p> <p>一 团 糯 米 yì tuán nuòmǐ satu kepal pulut 'sekepal pulut'</p>

20	滩 tān 'sesuatu tumpahan'	- digunakan untuk menunjukkan cecair yang tertumpah di atas sesuatu permukaan seperti air, darah, dakwat dan sebagainya. Contoh: 一 滩 水 yì tān shuǐ satu tumpahan air 'tumpahan air'
21	些 xiē 'sedikit'	- digunakan untuk menunjukkan benda yang kuantitinya sedikit seperti nasi, lauk, makanan dan sebagainya. Contoh: 一 些 菜肴 yì xiē càiyáo satu sedikit lauk 'sedikit lauk'
22	页 yè 'halaman, muka surat'	- digunakan untuk menunjukkan muka surat sesebuah buku, majalah atau surat khabar. Contoh: 一 页 书 yí yè shū satu halaman buku 'satu halaman buku'
23	味 wèi 'jenis'	- digunakan untuk ubat herba Cina bagi sekali makan. Contoh: 一 味 药 yí wèi yào satu jenis ubat 'sejenis ubat herba Cina'

5.4 Penjodoh Bilangan untuk Bekas (Mo) (容器量词 róngqì liàngcí)

Seperti yang dinyatakan oleh Yuen Ren Chao, penjodoh bilangan untuk bekas dalam bahasa Cina sebenarnya merupakan kata nama penuh. Penjodoh bilangan untuk bekas boleh mengambil partikel 的 de sebelum kata nama yang berikutnya:

"Container measures are nouns used as measures and can always take de before a following noun. They are like temporary measures (M1) in being primarily nouns (with their own measures ↑ ge, etc) ... in some cases... the nouns with the suffixes -tz or -l can also occur in root form when used as a measure."

(Yuen Ren Chao , 1968:601)

Dalam sesetengah keadaan, (contoh 6, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 24, 25), kata nama dengan akhiran 子 -zi (-tz) dan 儿 -er (-l) boleh wujud dalam bentuk kata dasar (iaitu tanpa akhiran zi dan er) apabila digunakan sebagai penjodoh bilangan untuk bekas.

Perangkaian penjodoh bilangan untuk bekas dengan kata bilangan dan kata nama adalah seperti berikut:

[kata bilangan + penjodoh bilangan untuk bekas + kata nama]

Contohnya:

一 盒 糖果
 yì hé tángguǒ
 satu kotak gula-gula
 'satu kotak gula-gula'

Jadual 5.4 : Contoh-contoh Penjodoh Bilangan untuk Bekas

Bil	Penjodoh Bilangan untuk Bekas (Mo)	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	包 bāo 'paket'	一 包 香烟 yì bāo xiāngyān satu paket rokok 'sepaket rokok'
2	杯 bēi 'cawan/gelas'	一 杯 茶 yì bēi chá satu cawan teh 'secawan teh'
3	抽屉 chōutì 'laci'	一 抽屉 文件 yì chōutì wénjiàn satu laci dokumen 'laci yang penuh dengan dokumen'
4	橱 chú 'almari'	一 橱 衣服 yì chú yīfu satu almari pakaian 'sealmari pakaian'

5	袋 dài 'saku/ kocek'	一 袋 玩 具 yí dài wánjù satu saku alat mainan 'saku yang penuh dengan alat mainan'
6	碟(子) dié (zi) 'pinggan'	一 碟 菜 yí dié cài satu pinggan sayur 'sepinggan sayur'
7	缸 gāng 'akuarium'	一 缸 鱼 yí gāng yú satu akuarium ikan 'sebuah akuarium yang diisi dengan banyak ikan'
8	柜 (子) guì (zi) 'kabinet'	一 柜 瓷 器 yí guì cíqì satu kabinet porselin 'kabinet yang penuh dengan porselin'
9	盒 子 hé (zi) 'kotak(kecil)'	一 盒 火 柴 yí hé huǒcái satu kotak mancis 'satu kotak mancis'
10	壶 hú 'teko'	一 壶 中 国 茶 yí hú Zhōngguó chá satu teko teh Cina 'seteko teh Cina'
11	架 (子) jià (zi) 'rak, para-para'	一 架 子 古 董 yí jiàzi gǔdǒng satu rak barang antik 'rak yang penuh dengan barang antik'
12	罐 (子) guàn (zi) 'tin'	一 罐 牛 奶 yí guàn niúnǎi satu tin susu 'setin susu'
13	筐 (子) kuāng (zi) 'bakul'	一 筐 蘑 菇 yí kuāng mógū satu bakul cendawan 'sebakul cendawan'

14	篮 (子) lán (zi) 'bakul'	一 篮 水 果 yì lán shuǐguǒ satu bakul buah-buahan 'sebakul buah-buahan'
15	箩 (子) luó (zi) 'bakul'	一 箩 炭 yì luó tàn satu bakul arang 'sebakul arang'
16	盘 pán 'pinggan'	一 盘 饭 yì pán fàn satu pinggan nasi 'sepinggan nasi'
17	盆 pén 'pasu'	一 盆 花 yì pén huā satu pasu bunga 'sepasu bunga'
18	瓶 píng 'botol'	一 瓶 醋 yì píng cù satu botol cuka 'sebotol cuka'
19	勺 子 sháozi 'senduk '	一 勺 子 酱 油 yì sháozi jiàngyóu satu senduk kicap 'sesenduk kicap'
20	桶 tǒng 'tong'	一 桶 煤 气 yì tǒng méiqì satu tong gas 'satu tong gas'
21	筒 tǒng 'bekas buluh'	一 筒 纸 yì tǒng zhǐ satu Mc kertas 'sebekas kertas'
22	碗 wǎn 'mangkuk'	一 碗 面 yì wǎn miàn satu mangkuk mi 'semangkuk mi'

23	锅 guō 'periuk'	一 锅 米粉 yì guō mǐfěn satu periuk mihun 'seperiuk mihun'
24	匣(子) xiá (zǐ) 'cepu, peti kecil'	一 匣 首饰 yì xiá shǒushì satu cepu barang kemas 'secepu barang kemas'
25	箱(子) xiāng (zǐ) 'kotak'	一 箱 书 yì xiāng shū satu kotak buku 'sekotak buku'
26	盅 zhōng 'cawan yang tiada pemegang'	一 盎 酒 yì zhōng jiǔ satu cawan arak 'secawan arak'

5.5 Penjodoh Bilangan Sementara (Mt) (暂时量词 zànshí liàngcí)

Dalam perbincangan tentang frasa penjodoh bilangan bahasa Cina, Charles N. Li dan Sandra A. Thompson menyatakan bahawa:

"Another type of measure word include nouns denoting either body parts or enclosed areas. They typically occur with yi 'one' with a special meaning of 'a - ful of' ."

(Charles N. Li dan Sandra A. Thompson, 1981:111)

Antara contoh yang diberikan oleh mereka ialah (1981:111)

" i) lian 'face'
yi lian hui
one face dust
'a faceful of dust'

ii) di 'ground, floor'
yi di mianfen
one floor flour
'a floorful of flour' ."

Menurut Yuen Ren Chao (1968:603) , berbeza dengan penjodoh bilangan untuk bekas, penjodoh bilangan sementara digunakan untuk mengukur benda yang ada di luar dan jarang digunakan untuk menyukat isi atau muatan dalam sesuatu bekas. Kebanyakan penjodoh bilangan sementara boleh mengambil partikel 的 de sebelum kata nama.

Berbanding dengan penjodoh bilangan yang lain, penjodoh bilangan sementara tidak boleh dirangkaikan dengan kata bilangan lain kecuali — yi ‘satu’ — yi ‘satu’ yang digunakan bermakna ‘seluruh’ (*all over*) (Yuen Ren Chao, 1968:603).

Perangkaian penjodoh bilangan sementara dengan kata bilangan — yi dan kata nama adalah seperti berikut:

[kata bilangan — yi ‘satu’ + penjodoh bilangan sementara + kata nama]

Jadual 5.5 : Contoh-contoh Penjodoh Bilangan Sementara

Bil	Penjodoh Bilangan Sementara (Mt)	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	地 dì ‘lantai’	一 地 (的) 玩 具 yí dì (de) wánjù satu lantai P alat mainan ‘alat mainan yang bertaburan di atas lantai’
2	房 顶 fángdǐng ‘bumbung’	一 房 顶 (的) 霜 yí fángdǐng (de) shuāng satu bumbung P fros ‘fros yang menutupi seluruh bumbung’
3	肚 子 dùzi ‘perut’	一 肚 子 (的) 水 yí dùzi (de) shuǐ satu perut P air ‘air seluruh perut’

4	湖 hú 'kolam'	一 湖 (的) 荷花 yì hú (de) héhuā satu kolam P bunga teratai 'bunga teratai yang memenuhi seluruh kolam'
5	脚 jiǎo 'kaki'	一 脚 (的) 泥 yì jiǎo (de) ní satu kaki P lumpur 'lumpur seluruh kaki'
6	脸 liǎn 'muka'	一 脸 (的) 汗 yì liǎn (de) hàn satu muka P peluh 'peluh seluruh muka'
7	山 shān 'gunung, bukit'	一 山 (的) 雪 yì shān (de) xuě satu gunung P salji 'salji yang menyelubungi seluruh gunung'
8	身 shēn 'badan'	一 身 (的) 雪 yì shēn (de) xuě satu badan P salji 'salji seluruh badan'
9	手 shǒu 'tangan'	一 手 (的) 油 yì shǒu (de) yóu satu tangan P minyak 'minyak seluruh tangan'
10	头 tóu 'kepala'	一 头 (的) 白发 yì tóu (de) báifà satu kepala P uban 'uban seluruh kepala'
11	屋 子 wūzi 'rumah'	一 屋 子 (的) 人 yì wūzi (de) rén satu rumah P orang 'orang yang memenuhi seluruh rumah'
12	园 子 yuánzi 'taman'	一 园 子 (的) 花 yì yuánzi (de) huā satu taman P bunga 'bunga yang penuh setaman'

13	院子 yuànzi 'halaman rumah'	一 院子 (的) 树叶 yì yuànzi (de) shùyè satu halaman rumah P daun 'daun-daun yang bertaburan di halaman rumah'
14	桌子 zhuōzi 'meja'	一 桌子 (的) 信 yì zhuōzi (de) xìng satu meja P surat 'surat yang bertaburan di atas meja'
15	嘴 zuǐ 'mulut'	一 嘴 (的) 饭 yì zuǐ (de) fàn satu mulut P nasi 'nasi sepenuh mulut'

5.6 Penjodoh Bilangan Standard (Mm) (标准量词 biāozhǔn liàngcí)

Jadual 5.6 di bawah menunjukkan penjodoh bilangan standard yang terdapat dalam bahasa Cina. Kebanyakan penjodoh bilangan standard boleh mengambil partikel 的 de. Perangkaian penjodoh bilangan standard dengan kata bilangan dan kata nama adalah seperti berikut:

[kata bilangan + penjodoh bilangan standard + kata nama]

Contoh:

一 公斤 虾
yì gōngjīn xiā
satu kilogram udang
'sekilogram udang'

Soh Bee Kwee (1996:238-239) telah membahagikan penjodoh bilangan standard kepada 6 kategori seperti di bawah:

Jadual 5.6: Contoh-contoh Penjodoh Bilangan Standard

Bil	Penjodoh Bilangan Standard		
	i) Penjodoh Bilangan Standard untuk Panjang atau Jarak		
1	尺	chǐ	'kaki'
2	寸	cùn	'inci'
3	分	fēn	'1/10 inci'
4	公 尺	gōngchǐ	'meter'
5	公 分	gōngfēn	'sentimeter'
6	公 厘	gōnglí	'milimeter'
7	公 里	gōnglǐ	'kilometer'
8	光 年	guāngnián	'tahun-cahaya'
9	海 里	hǎilǐ	'batu nautika'
10	里	lǐ	' batu'
11	码	mǎ	'ela'
12	市 尺	shìchǐ	'1/3 meter'
13	丈	zhàng	'10 kaki (unit ukuran Cina)'
	ii) Penjodoh Bilangan Standard untuk Berat		
1	磅	bàng	'paun'
2	担	dān	'100 katи'
3	顿	dùn	'tan'
4	分	fēn	'mayam'
5	公 斤	gōngjīn	'kilogram'
6	毫 克	háokè	'milligram'
7	斤	jīn	'katи'
8	克	kè	'gram'
9	两	liǎng	'tahil'
10	钱	qián	'1/10 auns'
11	英 两	yīngliǎng	'auns'
	iii) Penjodoh Bilangan Standard untuk Isipadu		
1	斗	dǒu	'pek'
2	斛	hú	'5 pek'
3	加 仑	jiālún	'gelen'
4	品 特	pǐntè	'pint (1/8 gelen)'
5	升	shēng	'liter'
6	西 西	xīxī	'cc'

	iv) Penjodoh Bilangan Standard untuk Keluasan		
1	公 顷	gōngqǐng	'hektar'
2	亩	mǔ	'1/6 ekar'
3	依 格	yīgé	'ekar'
	v) Penjodoh Bilangan Standard untuk Masa		
1	点	diǎn	'jam'
2	分	fēn	'minit'
3	刻	kè	'suku jam'
4	秒	miǎo	'saat'
	vi) Penjodoh Bilangan Standard untuk Wang		
1	分	fēn	'sen'
2	块	kuài	'ringgit'
3	毛	máo	'puluh sen'

Penjodoh bilangan standard dalam Jadual 5.6 dapat berfungsi sebagai kata nama penuh. Penjodoh bilangan standard dalam contoh-contoh (i a) – (iv a) di bawah berfungsi sebagai kata nama penuh. Dalam contoh-contoh (i b) – (iv b), penjodoh bilangan standard yang dirangkaikan dengan kata bilangan menerangkan kata nama.

i) a) 三 公 尺
 sān gōngchǐ
 tiga meter
 'tiga meter'

b) 三 公 尺 (的) 布
 sān gōngchǐ (de) bù
 tiga meter P kain
 'tiga meter kain'

ii) a) 四 公 斤
 sì gōngjīn
 empat kilogram
 'empat kilogram'

b) 四 公 斤 (的) 虾
 sì gōngjīn (de) xiā
 empat kilogram P udang
 'empat kilogram udang'

iii) a) 五 升

wǔ shēng

lima liter

‘lima liter’

b) 五 升 (的) 汽油

wǔ shēng (de) qì yóu

lima liter P petrol

‘lima liter petrol’

iv) a) 一 公 顷

yì gōngqǐng

satu hektar

‘satu hektar’

b) 一 公 顷 (的) 土 地

yì gōngqǐng (de) tǔdì

satu hektar P tanah

‘satu hektar tanah’

Penjodoh bilangan standard untuk masa iaitu 点 diǎn ‘jam’，分 fēn

‘minit’，刻 kè ‘suku jam’ dan 秒 miǎo ‘saat’ biasanya dirangkaikan dengan

钟 zhōng ‘jam’ seperti contoh di bawah:

v) 六 分 钟

liù fēn zhōng

enam minit jam

‘enam minit’

Penjodoh bilangan standard untuk wang pula biasanya dirangkaikan dengan

perkataan 钱 qián ‘wang’ seperti contoh di bawah:

vi) 三 块 钱

sān kuài qián

tiga ringgit wang

‘tiga ringgit’

Menurut Yuen Ren Chao (1968:604) penjodoh bilangan standard dalam

Jadual 5.6 boleh wujud dalam struktur KB 1 + PB 1 + KB 2 + PB 2 di mana PB 2

ialah unit ukuran standard yang lebih kecil daripada PB 1 seperti contoh-contoh di bawah:

vii) 五 尺 七 寸
 wǔ chǐ qī cùn
 lima kaki tujuh inci
 'lima kaki tujuh inci'

viii) 三 斤 四 两
 sān jīn sì liǎng
 tiga katil empat tahil
 'tiga katil empat tahil'

5.7 Penjodoh Bilangan yang Dirangkaikan antara Kata Kerja dan Objek (Mc')

(跟动-宾式合用的量词 gēn dòng-bīn shì héyòng de liàngcí)

Biasanya penjodoh bilangan ini dirangkaikan dengan kata bilangan — yī (satu).

Dalam bahagian ini, bentuk gabungan antara penjodoh bilangan dengan kata kerja dan objek adalah seperti berikut:

[Kata kerja + kata bilangan + penjodoh bilangan + objek]

Jadual 5.7: Contoh-contoh Penjodoh Bilangan Dirangkaikan antara Kata Kerja dan Objek

Bil	Penjodoh Bilangan (Mc')	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	班 bān 'penerbangan'	搭 一 班 飞机 dā yì bān fēijī menaiki satu Mc' kapal terbang 'menaiki kapal terbang (sekali)'
2	笔 bì 'pen'	写 一 笔 好 字 xiě yì bì hǎo zì tulis satu Mc' baik tulisan 'menulis dengan tulisan kaligrafi yang cantik'

3	场 chǎng 'arena'	唱 一 场 戏 chàng yì chǎng xì menyanyi satu Mc' drama 'menyanyi satu nyanyian dalam drama Cina klasik'
4	出 chū 'keluar'	演 一 出 戏 yǎn yì chū xì mempersesembahkan satu Mc' drama 'melakonkan satu persembahan drama'
5	顿 dùn 'berhenti'	捶 一 顿 打 ái yí dùn dǎ menanggung satu Mc' pukulan 'dipukul dengan teruk'
6	届 jiè 'seksyen'	开 一 届 会议 kāi yí jiè huìyì mengadakan satu Mc' mesyuarat 'mengadakan satu mesyuarat'
7	句 jù 'ayat'	说 一 句 话 shuō yí jù huà bercakap satu Mc' perkataan/ayat 'bercakap sebaris ayat'
8	口 kǒu 'mulut'	说 一 口 好 英文 shuō yí kǒu hǎo Yīngwén bercakap satu Mc' baik bahasa Inggeris 'bertutur Bahasa Inggeris dengan fasih'
9	炉 lú 'dapur'	烧 一 炉 陶 器 shāo yí lú táo qì membakar satu Mc' tembikar 'membakar sejumlah tembikar dalam oven'
10	盘 pán 'permainan'	下 一 盘 棋 xià yí pán qí bermain satu Mc' catur 'bermain catur (sekali)'
11	圈 quān 'bulatan'	打 一 圈 麻 将 dǎ yí quān májiàng bermain satu Mc' mahjung 'bermain satu set mahjung'

12	任 rèn 'penggal'	做 一 任 总统 zuò yí rèn zǒngtǒng menjadi satu Mc' presiden 'menjadi presiden untuk satu penggal'
13	手 shǒu 'tangan'	写 一 手 好 字 xiě yì shǒu hǎo zì tulis satu Mc' baik tulisan 'menulis dengan tulisan yang cantik'
14	台 tái 'platform'	演 一 台 戏 yǎn yì tái xì mempersesembahkan satu Mc' drama 'melakonkan satu persembahan pentas'
15	趟 tàng 'perjalanan'	乘 一 趟 火车 chéng yí tàng huǒchē menaiki satu Mc' kereta api 'menaiki kereta api (sekali)'
16	桌 zhuō 'meja'	请 一 桌 客 qǐng yì zhuō kè menjemput satu Mc' tetamu 'menjemput tetamu'

5.8 Penjodoh Bilangan Untuk Kata Kerja (Mv) (动词用量词 dònghcí yòng liàngcí)

Penjodoh bilangan ini menunjukkan kekerapan sesuatu perbuatan berlaku.

Perangkaiannya dengan kata kerja adalah seperti berikut:

[Kata Kerja + Kata Bilangan + Kata Nama]

Penjodoh bilangan ini boleh dibahagi kepada 3 jenis:-

- i) Menunjukkan perbuatan sesuatu kata kerja
(Mv 4, 5, 7, 9, 14, 19, 21, 22, 23, 24)
- ii) Menunjukkan anggota badan yang melakukan sesuatu perbuatan
(Mv 2,,13,,18,,20)

- iii) Menunjukkan peralatan yang digunakan untuk melakukan sesuatu kerja
 (Mv 1, 3, 6, 8, 10, 11, 12, 15, 16, 17, 25)

Yuen Ren Chao (1968:616) telah memberi dua contoh seperti di bawah. Jika terdapat objek (kata nama) dalam frasa penjodoh bilangan tersebut, maka objek itu hendaklah diletak di belakang penjodoh bilangan, contohnya:

叫 一 声 “妈”
 jiào yì shēng ‘mā’
 memanggil satu Mv ‘emak’
 ‘memanggil, “emak” (sekali)’

Jika objek tersebut ialah kata ganti nama, maka kata ganti nama tersebut perlu diletak di hadapan penjodoh bilangan, contohnya:

骂 他 一 颙
 mà tā yí dùn
 marah dia satu Mv
 ‘marah dia dengan teruk’

Jadual 5.8: Contoh-contoh Penjodoh Bilangan untuk Kata Kerja

Bil	Penjodoh Bilangan (Mv)	Penggunaannya dan Contoh-contoh
1	棒子 bàng (zi) ‘kayu’	打 一 棒子 dǎ yí bàng zi memukul satu Mv ‘memukul sekali (dengan kayu)’
2	巴掌 bāzhǎng ‘tamparan’	拍 一 巴掌 pāi yí bāzhǎng menampar satu Mv ‘memberi satu tamparan’
3	鞭子 biān (zi) ‘rotan’	打 一 鞭子 dǎ yí biān zi memukul satu Mv ‘memukul sekali (dengan rotan)’

4	遍 biān 'kali'	说 一 遍 shuō yì biān berkata satu Mv 'bercakap sekali'
5	步 bù 'langkah'	走 两 步 zǒu liǎng bu berjalan dua Mv 'berjalan dua langkah'
6	刀 dāo 'pisau'	切 一 刀 qiè yì dāo memotong satu Mv 'memotong sekali (dengan pisau)'
7	顿 dùn 'berhenti'	骂 一 顿 mà yí dùn marah satu Mv 'memarahi'
8	斧子 fǔ zi 'kapak'	砍 一 斧子 kǎn yì fǔ zi menebang satu Mv 'menebang sekali'
9	关 guān 'halangan'	过 一 关 guò yì guān melalui satu Mv 'melepassi sesuatu halangan'
10	棍子 gùn(zì) 'kayu'	打 一 棍子 dǎ yí gùn zi memukul satu Mv 'memukul sekali (dengan kayu)'
11	箭 jiàn 'anak panah'	射 一 箭 shè yí jiàn memanah satu Mv 'memanah sekali'
12	剪子 jiǎnzi 'gunting'	剪 一 剪子 jiǎn yí jiǎn zi menggunting satu Mv 'menggunting sekali'

13	脚 jiǎo 'kaki'	踢 一 脚 tǐ yì jiǎo menendang satu Mv 'menendang dengan kaki'
14	觉 jiào	睡 一 觉 shuì yí jiào tidur satu Mv 'tidur'
15	炮 pào 'meriam'	放 一 炮 fàng yí pào melepaskan satu Mv 'melepaskan tembakan sekali (meriam)'
16	枪 qiāng 'senapang'	放 一 枪 fàng yí qiāng melepaskan satu Mv 'melepaskan tembakan sekali (senapang)'
17	钳子 qián zi 'penyepit'	夹 一 钳子 jiá yì qián zi menyepit satu Mv 'menyepit sekali'
18	拳 quán 'tumbukan'	捶 一 拳 chuí yì quán menumbuk satu Mv 'memberi satu tumbukan'
19	声 shēng 'bunyi'	叫 一 声 jiào yì shēng memanggil satu Mv 'panggil sekali'
20	手 shǒu 'tangan'	来 一 手 lái yì shǒu datang satu Mv 'melakukan sesuatu/ menyertai dalam sesuatu kegiatan'

21	趟 tàng ‘kali’	去 一 趟 qù yí tàng pergi satu Mv ‘pergi sekali’
22	下 xià ‘bawah’	打 一 下 dǎ yí xià memukul satu Mv ‘pukul sekali’
23	响 xiǎng ‘berbunyi’	响 三 响 xiǎng sān xiǎng membunyikan tiga Mv ‘berbunyi tiga kali’
24	仗 zhàng ‘peperangan’	打 一 仗 dǎ yí zhàng memukul satu Mv ‘bertempur dalam satu peperangan’
25	针 zhēn ‘jarum’	扎 一 针 zhá yì zhēn mencucuk satu Mv ‘mencucuk sekali (dengan jarum)’